

PM jamin jumlah penjawat awam kekal

BERITA HARIAN

M/S 03

29/01/2018

➔ Peranan penting sebagai tulang belakang kerajaan: Najib

Oleh Anwar Husin,
Nor Fazlina Abdul Rahim
dan Razis Ismail
bhkb@bh.com.my

► Kota Bharu

Datuk Seri Najib Razak memberi jaminan mengekalkan bilangan penjawat awam di negara ini, termasuk mereka berstatus kontrak yang disifatkan beliau berperanan amat penting sebagai benteng dan tulang belakang kerajaan. Perdana Menteri berkata, kerajaan akan turut menyediakan pelbagai manfaat kepada penjawat awam yang banyak membantu melaksanakan dasar kerajaan.

“Ada cakap-cakap nak mengemukakan saiz perkhidmatan awam, ada yang hina penjawat awam kata

kucing kuraplah, apalah. Saya nak beritahu, kerajaan pimpinan saya tidak akan kecutkan saiz perkhidmatan awam, jangan bimbang.

“Kita tetap jaga, yang kontrak pun kita sambung, yang patut habis kontrak dia minta sambung, kita sambung lagi *almost permanent* (hampir tetap),” katanya berucap di hadapan lebih 10,000 penjawat awam Kelantan di Wisma Persekutuan, di sini semalam.

Katanya, sesebuah kerajaan tidak mungkin dapat mentadbir dengan sempurna melainkan penjawat awam berdiri teguh di belakang dan berkhidmat menjalankan tugas dengan penuh dedikasi, amanah dan kesungguhan.

Berucap pada Majlis Pecah Tanah Projek Pembangunan Lembaga Sungai Bersepadu Sungai Kelantan Fasa 1 kemudian, Najib berkata, kerajaan Barisan Nasional (BN) mengikut prinsip Islam, mentadbir secara adil dan tidak membezakan rakyat walaupun lain ideologi politik.

Katanya, beliau sentiasa mengutamakan rakyat Kelantan termasuk melaksanakan Pembangunan Lembaga Sungai Bersepadu Su-

ngai Kelantan, sekali gus meletakkan ‘mimpi ngeri’ rakyat negeri ini yang sering dilanda banjir termasuk banjir besar pada 2014.

Jadi pemimpin adil

“Saya tidak mahu ada yang ketinggalan. Ini berdasarkan prinsip Islam yang mahu kita jadi pemimpin adil kepada semua. Sebab itulah saya berbeza dengan pemimpin terdahulu yang memerintah 22 tahun, tapi meminggirkan Kelantan atas perbezaan politik,” katanya.

Projek Pembangunan Lembaga Sungai Bersepadu Sungai Kelantan yang bernilai RM572 juta bagi fasa 1, dijangka siap 28 Mei 2021.

“Kita dapat melakukan pembangunan kerana kewangan negara kukuh. Kalau kewangan lemah, tidak mungkin kita akan melakukan pembesaran Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra pada Julai ini.

“Itu belum lagi projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang akan siap dalam masa enam tahun lagi. Kelantan akan jadi maju kerana perjuangan, dasar dan iltizam kerajaan serta berlaku adil pada se-



Saya tidak mahu ada yang ketinggalan. Ini berdasarkan prinsip Islam yang mahu kita jadi pemimpin adil kepada semua. Sebab itulah saya berbeza dengan pemimpin terdahulu yang memerintah 22 tahun, tapi meminggirkan Kelantan atas perbezaan politik”

Najib Razak,
Perdana Menteri

mua,” kata Perdana Menteri.

NGO sumbang kejayaan kepada kerajaan

Pada majlis bersama 1,500 ahli pertubuhan bukan kerajaan (NGO) selepas itu, Najib berkata, NGO juga satu kekuatan yang boleh menyumbang kejayaan kepada kerajaan, mampu mempengaruhi pemikiran rakyat dan menggerakkan perubahan pada peringkat akar umbi.

“Kerajaan tidak mampu berdiri tanpa dibantu NGO, Malaysia gagal hasil usaha NGO. Mereka adalah benteng ketiga kerajaan. Saya pasti dan yakin, saya tidak pernah keseorangan dalam menerajui negara.

“Saya berjanji akan terus berkhidmat kepada rakyat secara terbaik kerana saya bukan bekerja untuk seorang, sebaliknya untuk 30 juta rakyat. Orang lain kutuk kita, tapi apa yang dia buat ketika memerintah negara. Dulu cakap lain, namun sekarang buat lain.

“Dulu kata Lim Kit Siang anti Islam dan Melayu, namun hari ini individu berkenaan boleh duduk bersama. Orang macam itu memang tidak boleh dipakai,” katanya.